



kompleks.

anda

struktur di sebalik soalan. Mereka tidak lagi meneka jawapan, tetapi membina penyelesaian secara jelas. Begitu juga dalam organisasi dan kepimpinan dalam setiap peringkat. Banyak konflik tempat kerja berpunca daripada

masalah yang tidak pernah divisualkan bersama. Setiap orang bercakap berdasarkan persepsi masing-masing. Apabila masalah dilakar atau dilukis, perbincangan menjadi lebih objektif. Fokus beralih daripada siapa yang betul kepada apa sebenarnya berlaku.

Lukisan menjadi bahasa bersama yang meredakan emosi dan mempercepatkan kefahaman kepada sesuatu masalah.


Budaya bercakap tanpa melukis juga menyebabkan keputusan dibuat secara tergesa-gesa. Tanpa gambaran visual yang jelas, implikasi sesuatu keputusan sukar dijangka.

Apabila sesuatu rancangan dilakar, kelemahan dan risiko lebih mudah dikenal pasti. Kesilapan dapat dikesan lebih awal sebelum ia menjadi kos penyelesaian kesilapan tersebut menjadi mahal dan merugikan.

Buku Profits From Visuals ditulis untuk memberi solusi kepada masalah ini. Buku ini menjelaskan secara terperinci bagaimana lakaran visual boleh membantu menyelesaikan masalah secara cekap.

Buku ini juga menerangkan bagaimana untuk menguasai kemahiran melakar untuk menyelesaikan masalah. Seterusnya menerangkan tentang bagaimana seseorang individu atau organisasi boleh lakukan untuk mengoptimumkan penggunaan lakaran semasa perbincangan.

“Melukis masalah” juga melatih disiplin berfikir. Ia memerlukan kita memperlakukan proses memecahkan masalah besar kepada bahagian lebih kecil untuk mudah kita hadam. Ini menjadikan proses penyelesaian lebih sistematik dan praktikal.



CUBA bayangkan anda berada dalam situasi ini, mendengar penerangan idea hanya dengan lisan sahaja tanpa bantuan visual. Pasti anda akan berasa sangat sukar untuk memahami maksud lisan tersebut.

Masalah yang besar tidak lagi rumit kerana ia sudah dipecahkan kepada bentuk yang boleh diurus. Malangnya, ramai daripada kita berasa malu untuk melukis. Kita takut lukisan yang dihasilkan kelihatan “tidak cantik”. Ketakutan ini berpunca daripada salah faham bahawa lukisan mesti cantik. Sedangkan tujuan melukis masalah bukan untuk dipamerkan, tetapi untuk difahami oleh kita semua. Garisan kasar yang tidak cantik lebih bernilai daripada perbincangan panjang yang tanpa penghujung. Anak-anak sebenarnya lebih berani melukis masalah berbanding orang dewasa. Mereka tidak takut buat salah dalam melukis. Mereka melukis apa yang mereka fikirkan. Namun, keberanian ini sering dipadamkan apabila lukisan hanya dinilai dari segi kecantikan bukan fakta-fakta

yang ingin ditonjolkan. Bayangkan sistem pendidikan kita mula mengajar anak-anak kita bahawa lukisan ialah alat untuk berfikir dan berkomunikasi, mereka akan membesar dengan “mindset” yang betul iaitu sebagai individu yang lebih yakin dan cekap menyelesaikan masalah. Berhenti bercakap bukan bermaksud berhenti berkomunikasi. Ia bermaksud berhenti bercakap tanpa arah. Lakaran atau lukisan memberi arah kepada minda berfikir dan berkomunikasi. Ia menjadikan perbincangan lebih fokus, ringkas dan bermakna. Satu lakaran ringkas selalunya mampu menjelaskan apa yang tidak mampu diterangkan oleh 30 minit percakapan. Benarlah kata-kata ini, “Sebuah gambar memberi seribu makna” manakala “satu lakaran memberi seribu ringkasan” untuk minda faham dan bertindak.

Dalam dunia semakin kompleks, kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kata-kata dan teks sahaja.

Masalah hari ini melibatkan pelbagai faktor rumit dan pastinya memberi kesan jangka panjang. Lakaran

visual membantu kita melihat gambaran besar masalah tanpa kehilangan butiran penting. Ia menjadikan pemikiran kita lebih matang dan solusi yang lebih bertanggungjawab.


Sudah tiba masanya kita membina budaya baharu dalam cara kita berfikir untuk menyelesaikan masalah. Budaya yang tidak hanya bercakap tetapi melakar untuk melihat.

Tidak hanya mendengar, tetapi memerhati sambil melukis. Tidak hanya berdebat tetapi melakar. Dengan “melukis masalah”, kita melatih diri berfikir dengan lebih jelas, kreatif, logik dan berkesan.

Maka sebelum anda bercakap panjang tentang sesuatu masalah, ambil sehelai kertas. Lukis apa yang anda faham. Lukis apa yang anda keliru. Lukis apa yang anda fikir sebagai punca dan kesan. Dari situ, anda akan dapati bahawa banyak masalah sebenarnya tidak serumit yang disangka. Ia hanya menunggu untuk dilukis.

“Berhenti bercakap, lukis masalah anda. Disitulah penyelesaian mula muncul”.

Dr. Ruzaimi Mat Rani adalah penulis buku Profits From Visuals



CUBA bayangkan anda berada dalam situasi ini, mendengar penerangan idea sambil menghayati grafik mudah hasil daripada lakaran visual spontan. Pasti anda akan berasa sangat selesa dan mudah untuk memahami maksud idea tersebut.

